

**IKLAN JAWATAN KOSONG
TUKANG K2 GRED R11
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pemandu Kenderaan Gred R3, di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

1. (a) **Jawatan** : Tukang K2 Gred R11
- (b) **Kementerian** : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- (c) **Kumpulan Perkhidmatan** : Sokongan 2
- (d) **Klasifikasi** : Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir
2. **Kekosongan Jawatan** : Satu (1) kekosongan di Institut Sosial Malaysia
3. **Taraf Jawatan** : Tetap dan Berpencen
4. **Jadual Gaji Baru Gred R3** : Jadual Gaji Matrik
P1T1 RM892.54 - P1T15 RM1647.28
P2T1 RM948.08 - P2T15 RM1725.64
P3T1 RM1005.25 - P3T15 RM1805.63
- (a) **Elaun-elaun** : (i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM 95.00
(ii) Imbuhan Tetap Perumahan - RM180.00
(iii) Bantuan Sara Hidup - RM 300.00
- (b) **Kemudahan** : (i) Cuti Rehat (20 hari setahun);
(ii) Faedah Rawatan Perubatan di Hospital dan Klinik Kerajaan untuk diri / isteri / suami / anak dan ibu/bapa);
(iii) Pinjaman Perumahan;
(iv) Pinjaman Komputer;
(v) Pinjaman Kenderaan (Motosikal); dan
(vi) Faedah Persaraan.

5. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (b) (i) tamat Tingkatan III sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
 - (ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (c) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2; dan
 - (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan memuaskan.
6. **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K3 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K2 Gred R11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; dan
 - (b) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan.
7. **Penetapan Gaji Permulaan** : Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

8. **Tempoh Percubaan** : Tukang K2 Gred R11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
9. **Latihan** : Tukang K2 Gred R11 boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
10. **Kursus Induksi/Peperiksaan** : Tukang K2 Gred R11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
11. **Pengesahan Dalam Perkhidmatan** : Tukang K2 Gred R11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
12. **Pergerakan Gaji Tahunan** : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berasaskan prestasi perkhidmatan.
13. **Penilaian Tahap Kecekapan** : Tukang K2 hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
14. **Kenaikan Pangkat Ke Gred R22** : Tukang K2 Gred R11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tukang K2 Gred R22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Tinggi/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakanyang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat tinggi/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3; dan

(e) Diperaku oleh ketua perkhidmatan.

15. **Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Ke Perkhidmatan Tukang K1** : Tukang K2 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.
16. **Cara memohon** :
- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang KPWK/PSM 02/2010** yang boleh didapati secara percuma di **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aras 6, Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**. Calon-calon yang ingin memohon **Borang KPWK/PSM 02/2010** melalui pos dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mestilah menyertakan sampul surat berukuran 32cm x 22cm yang beralamat sendiri dan mempunyai setem bernilai 50 sen.
 - (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, badan berkanun atau kuasa tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam 2005 dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi pada tahun yang terakhir dan salinan kenyataan perkhidmatan yang kemas kini.
 - (c) Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan bersama-sama:-
 - (i) Sekeping gambar berukuran pasport;
 - (ii) Salinan kad pengenalan;
 - (iii) Salinan sijil kelahiran; dan
 - (iv) Salinan kelulusan persekolahan.

Salinan-salinan dokumen di (c) (ii), (iii) dan (iv) hendaklah **disahkan** oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

- (d) Permohonan yang tidak lengkap seperti berikut akan **DITOLAK**;
- (i) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan dan disahkan;
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang;
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
 - (v) Tidak ditandatangani.
- (e) Permohonan hendaklah sampai di alamat berikut sebelum atau pada **3 Julai 2010 (Sabtu)**:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Aras 6, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut,
50350 KUALA LUMPUR**

- 17. Catatan Am** : Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **6 bulan** selepas iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.